

Kesediaan Guru Sejarah Sekolah Rendah dalam Mengaplikasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Mata Pelajaran Sejarah

(Readiness of Primary School History Teachers in Applying Higher Level Thinking Skills in History Subjects)

Vanitha Muniandy^{1*}, Anuar Ahmad¹, Norasmah Othman¹

¹ Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p117905@siswa.ukm.edu.my

Received: 25 December 2023 | Accepted: 15 January 2024 | Published: 1 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.13>

Abstrak: Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan suatu transformasi di dalam sistem pendidikan di Malaysia pada abad ini selaras dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Amalan pengajaran yang menerapkan KBAT ini telah melangkaui keseluruhan konsep kandungan mata pelajaran dengan difokuskan kepada beberapa teori KBAT khususnya taksonomi Bloom dan Lorin Anderson. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti kesediaan guru dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam mengaplikasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) bagi mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah. Kajian tinjauan dengan pendekatan kuantitatif ini melibatkan seramai 100 orang guru daerah Bangsar, Kuala Lumpur. Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik dan skala likert 5 mata dalam kajian ini. Maklumat data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan Statistical for Social Science versi 26.0. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif (frekuensi, peratusan, skor min dan sistem piawai). Dapatan kajian melaporkan bahawa tahap kesediaan guru sekolah rendah mengaplikasikan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah melebihi tahap sederhana tinggi. Skor min bagi setiap aspek yang dinilai ialah pengetahuan (min = 4.12), kemahiran (min = 3.94) dan sikap (min = 3.97). Ini bermakna para guru mempunyai potensi yang tinggi dalam mengaplikasikan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah sekiranya bakat mereka berjaya digilap dari peringkat awal pengajian iaitu di maktab perguruan. Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan oleh semua guru sekolah rendah dalam mengaplikasikan KBAT dalam pengajaran Sejarah. Di samping itu, ia juga menekankan kepentingan pembangunan profesional yang berterusan dan sokongan institusi dalam mengukuhkan kemahiran guru dalam mengintegrasikan KBAT dalam pengajaran Sejarah.

Kata Kunci: Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Sejarah, kesediaan, pengetahuan, kemahiran, sikap

Abstract: Higher-level thinking skills (HTS) is a transformation in the education system in Malaysia in this century in line with the implementation of the Malaysian Education Development Plan (PPPM) 2013-2025. The teaching practice that applies KBAT has gone beyond the entire concept of subject content by focusing on several theories of KBAT, particularly Bloom's and Lorin Anderson's taxonomy. Therefore, the purpose of this study is to identify teachers' readiness from the aspects of knowledge, skills and attitudes in applying Higher Level Thinking Skills (HOTS) for History subjects in primary schools. This survey study

with a quantitative approach involved a total of 100 teachers in Bangsar district, Kuala Lumpur. The researcher used a questionnaire instrument and a 5-point likert scale in this study. The data information obtained was analyzed using Statistical for Social Science version 26.0. Data was analyzed using descriptive statistics (frequency, percentage, mean score and standard system). The findings of the study reported that the level of readiness of primary school teachers to apply KBAT in the subject of History exceeded the medium-high level. The mean score for each aspect evaluated is knowledge (mean = 4.12), skills (mean = 3.94) and attitude (mean = 3.97). This means that teachers have a high potential in applying KBAT in History subjects if their talent is successfully polished from the early stages of their studies, which is at the college of teachers. The results of this study can be used as a guide by all primary school teachers in applying KBAT in the teaching of History. In addition, it also emphasizes the importance of continuous professional development and institutional support in strengthening teachers' skills in integrating KBAT in the teaching of History.

Keywords: Higher Order Thinking Skills (HOTS), History teaching, primary school teachers, knowledge, skills, attitude

1. Pendahuluan

Dalam konteks pendidikan global, negara-negara Eropah sering dianggap pemimpin dalam mengamalkan pendekatan pendidikan holistik dan inovatif. Sistem pendidikan di Eropah, yang diketengahkan oleh negara-negara seperti Finland dan Jerman, memberi tumpuan kepada pembangunan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, kepelbagaian metodologi pengajaran, dan penekanan kepada pembelajaran sepanjang hayat (Schleicher, 2019). Kajian terkini menunjukkan bahawa pendekatan ini telah berjaya melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga kreatif dan kritis dalam pemikiran (Jensen, 2021).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) telah memperkenalkan Kemahiran berfikir aras Tinggi (KBAT) bagi melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kreatif dan kritis serta berupaya berkomunikasi dengan berkesan untuk bersaing di peringkat global. Pelaksanaan KBAT dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 dalam membentuk kemenjadian murid untuk mencapai enam aspirasi iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional. Falsafah Pendidikan Negara menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Usaha ini adalah bagi melahirkan murid-murid yang berilmu, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara seperti dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Di Malaysia, kemahiran berfikir telah diaplikasikan di semua sekolah sejak tahun 1994. Sebelum KBAT diperkenalkan, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) telah diaplikasikan dan kemudiannya pada tahun 2011, KSSR dan KSSM pula telah diperkenalkan. Pendidikan di Malaysia terus berkembang, dengan penekanan kepada perkembangan pelajar secara holistik, di mana mata pelajaran seperti Sejarah digunakan sebagai teras untuk membentuk pemahaman dan penghayatan warisan dan identiti negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Semakan Hierarki Taksonomi Bloom oleh Anderson diguna pakai bagi meningkatkan kemahiran berfikir murid adalah komponen penting dalam pendidikan abad ke-21,

merangkumi keupayaan untuk menganalisis, menerapkan, menilai, dan mencipta dalam konteks pembelajaran mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan berfikir secara kritis dan kreatif dalam kehidupan harian (Anderson & Krathwohl, 2001).

2. Penyataan Masalah

Di Malaysia, guru-guru Sejarah berhadapan dengan cabaran untuk mengintegrasikan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran, yang memerlukan pemahaman yang mendalam serta kemahiran yang relevan (Mohamad Nurul et al., 2017; Zaharah et al., 2019). Menurut Abdul Halim et al. (2019), ilmu guru merupakan petunjuk utama dalam menyediakan para pendidik untuk mendidik pelajar dengan lebih efisien. Nur Athirah Ariffin (2017) pula mencadangkan bahawa guru yang berkesan adalah mereka yang mampu mempelbagaikan kemahiran mengajar dan mengintegrasikan aspek pengetahuan dan nilai dalam pengajaran mereka.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) diperkenalkan pada tahun 2013 di Malaysia atas desakan persaingan sengit di peringkat global, iaitu kedudukan Malaysia dalam sistem pendidikan ASEAN dan Programme for international Student Assesment (PISA) jauh ketinggalan berbanding dengan negara-negara lain. Secara umumnya di Malaysia, kajian mengatakan bahawa guru-guru di sekolah rendah kurang berpengetahuan dalam mengaplikasikan elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran terhadap murid di sekolah rendah. Guru berperanan besar untuk menarik minat dan keseronokan pelajar agar tinggal dalam persekitaran pembelajaran (Pella, 2015). Sehubungan dengan itu, setiap guru perlu memiliki kelayakan akademik ikhtisas dan pendidikan rasmi dalam mata pelajaran yang akan diajar supaya mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap mata pelajaran tersebut dan mampu mempelbagaikan pendekatan pengajaran agar dapat menyampaikan Pengajaran dan Pemudacaraan yang berkesan semasa di dalam kelas (Chien Lee Shing et al., 2015).

Kaedah pengajaran konvensional juga menyebabkan murid melibatkan diri secara pasif dalam proses PdP dan murid kurang memahami teori yang dipelajari (Ruzaini Hisham, 2017). Keadaan ini menyebabkan kemerosotan dalam pencapaian dan minat murid-murid dalam mata pelajaran Sejarah. Seiring dengan perkembangan teknologi yang pesat, proses pembelajaran secara pasif kepada aktif perlu ditekankan seperti pelajar bekerja dalam kumpulan dan berinteraksi melalui teknologi komputer untuk mencari penyelesaian masalah (Henderson, 2017). Selain itu, terdapat beberapa kajian yang membincangkan stress guru mata pelajaran Sejarah. Menurut kajian Sapora Sipon (2007) dalam Ooi Chew Hong & Aziah Ismail (2015), guru yang gagal mengawal diri akibat tekanan akan memberi kesan kepada perhubungan antara guru dengan pelajar dan juga kualiti dalam aspek pengajaran dan pembelajaran guru itu sendiri. Antaranya faktor pelajar, kekangan masa, kekurangan sumber, penghargaan, interpersonaliti dan beban tugas guru. Faktor-faktor seperti yang di atas menyebabkan murid menjadi kurang berminat dan aras kemahiran berfikir yang pada tahap minimum menyukarkan untuk belajar apabila guru mereka tidak mempunyai tenaga dan semangat yang cukup untuk pengajaran (Joacim Ramberg, 2019).

Tahap kesediaan guru sekolah rendah terhadap pelaksanaan mata pelajaran Sejarah adalah disebabkan penambahan topik-topik yang baru terhadap sukatan mata pelajaran tersebut. Kajian lepas menyatakan bahawa guru yang mengajar mata pelajaran baharu berhadapan masalah untuk menguasai kurikulum dan kandungan mata pelajaran yang seterusnya menjejaskan keberkesanan pendekatan semasa proses PdPc (Suyanto, 2017). Guru sering mengalami masalah dalam penyampaian kandungan kurikulum ini kepada murid disebabkan

pengetahuan yang sedia ada tidak mencukupi untuk menjalankan PdPc Sejarah di dalam bilik darjah. Perkara ini menjejaskan minat guru untuk mengajar subjek Sejarah di sekolah rendah.

Pendekatan yang diambil dalam kajian ini juga merujuk kepada konsep 'guru sebagai guru' dalam konteks pendidikan Sejarah. Kajian ini bertujuan untuk 1) mengenal pasti kesediaan pengetahuan guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah, 2) mengenal pasti kesediaan kemahiran guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah dan 3) mengenal pasti kesediaan sikap guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah.

3. Kajian Literatur

Kesediaan guru

Kesediaan membawa maksud peranan guru sentiasa bersedia untuk memulakan aktiviti PdP tidak kira dari aspek kognitif, afektif mahupun psikomotor (Mok Soon Sang, 2008). Kejayaan sesuatu pembaharuan dalam sistem atau organisasi bergantung pada kesediaan ahli-ahli terlibat terhadap perubahan itu (Kanafadzi & Jamaludin, 2021). Menurut (Rajendran, 2010), kesediaan guru semasa proses PdP bergantung kepada aspek pengetahuan berkaitan mata pelajaran yang diajar, kemahiran untuk mengajar subjeknya dan sikap yang perlu dimiliki untuk mengajar kemahiran berfikir. Tambahan lagi, terdapat juga kajian yang memberangsangkan bahawa guru-guru yang berpengalaman 11-20 tahun mengajar mempunyai kadar kesediaan yang tinggi berbanding dengan guru-guru yang berpengalaman baru dan lama dalam sistem pendidikan. (Kanafadzi & Jamaludin, 2021).

Kesediaan guru adalah faktor penting dalam diri seseorang guru terutama ketika mengajar sesuatu mata pelajaran dan turut mendorong gaya pengajaran seseorang guru bagi meningkatkan pencapaian murid dari segi kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Menurut Nur Athirah Ariffin (2017), guru yang efektif adalah di mana berkeupayaan dapat mempelbagaikan kemahiran pengajaran dengan menerapkan aspek pengetahuan, kemahiran dan juga nilai. Kemahiran guru dalam melaksanakan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah masih berada pada tahap yang menyedihkan. Hal ini disebabkan oleh para guru sejarah masih kurang mengintegrasikan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Nurul et al. (2015), guru perlu bersikap proaktif dengan sentiasa berada selangkah ke hadapan mempersiapkan diri dengan penguasaan isi kandungan mata pelajaran yang di ajar serta memanfaatkan pelbagai teknik dan pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran.

i. Pengetahuan

Kualiti pengajaran amat berkait rapat dengan tahap pengetahuan seseorang guru. Hal ini kerana guru berperanan membuat pemilihan pendekatan pengajaran yang terkini supaya murid-murid dapat memperolehi maklumat yang penting, guru yang mempunyai tahap pengetahuan tinggi dapat membimbing murid-murid terus berkembang dan meningkatkan tahap penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi (Mengistie, 2020). Pengetahuan yang baik tentang kandungan sejarah tidak mencukupi kepada seseorang guru sejarah, malah mereka juga harus cekap dan mahir dalam kaedah dan amalan pengajaran (Kaviza et al., 2018). Satu kajian tentang Kesediaan Guru Sejarah Sekolah Menengah dalam Mengaplikasikan KBAT membuktikan bahawa pengetahuan guru terhadap KBAT menunjukkan skor yang tinggi di mana tahap pengetahuan guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah (min = 4.03, SP = 0.512) dalam kalangan guru Sejarah sekolah menengah adalah berada pada tahap yang tinggi. (Kamaruddin & Ahmad, 2022). Guru dapat mengenalpasti masalah pelajar yang sedia dan

mendapatkan rujukan dari pelbagai sumber untuk menyelesaikan masalah tersebut dengan mempunyai tahap pengetahuan yang mencukupi (Gurganious, N. J. 2017).

ii. Kemahiran

Kemahiran guru sama ada dalam aspek kurikulum, pedagogi dan pentaksiran dititikberatkan bagi mengukur tahap kompetensi guru dalam pelaksanaan KBAT di sekolah (Radzi & Muzammil, 2018). Guru perlu menggunakan pelbagai pendekatan berbeza dalam menyampaikan sesuatu pengajaran dengan baik dan berkesan (Agus, 2021). Dalam konteks pendidikan, guru kini perlu menguasai aspek kurikulum, berketrampilan dan harus mempunyai kemahiran berkaitan ilmu pedagogi serta menguasai aspek psikologi pembelajaran dengan baik (Nurzarina dan Roslinda 2017). Menurut Abdul Talib et al. (2021), peranan guru dalam pendidikan Sejarah sangat penting. Guru yang berkelayakan bukan sahaja menguasai kandungan mata pelajaran tetapi juga mempunyai keupayaan untuk menyampaikan kandungan tersebut dengan cara yang menarik dan bermakna. Guru perlu sentiasa meningkatkan kemahiran diri untuk meningkatkan tahap keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan menyertai kursus, latihan dan juga Professional Learning Community (PLC). Perkara sama turut disokong oleh Abdul Rahman et al. (2018) yang menyatakan guru perlulah bersikap positif dan diberi pendedahan dengan pelbagai kaedah supaya dapat memastikan keberkesanannya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran.

Kemahiran guru untuk menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi dilihat sebagai satu kayu ukur kerana generasi masa kini yang mesra gajet dan alat komunikasi (Maimun Aqsha, Wan Nurul Syuhada & Mohd Isa, 2017). Kesediaan kemahiran penggunaan M-pembelajaran dinilai berdasarkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan melalui kemudahan mudah alih terutamanya telefon pintar (Miglani & Awadhiya, 2017).

Begitu juga, kemahiran guru dalam penggunaan M-pembelajaran dapat dilihat dari aspek penggunaan pelbagai kaedah bagi penilaian pembelajaran (Muniroh, Siti Balqis & Ch'ng, 2020). Sebagai contoh, penilaian melalui kuiz atas talian, demonstrasi atas talian, menyemak menerusi sistem, penceritaan digital, video pembentangan maya, rakaman suara atau webcast. Guru yang berkemahiran akan dapat menguasai kepelbagaian fungsi telefon pintar dan dapat mengubah persepsi guru terhadap fungsi telefon pintar yang bukan hanya sekadar untuk mencari maklumat sahaja (Nazaruddin, Mahizer Hamzah & Norkumalasari, 2020).

iii. Sikap

Sikap didefinisikan sebagai dedikasi dalam melaksanakan tugas utama seorang guru iaitu mengajar (Rajikal & Hamzah, 2020). Tambahan pula, sikap guru yang positif memberikan kesan yang besar dalam pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah yang sesuai bagi murid dengan tujuan untuk menggalakkan pembelajaran yang bermakna di dalam kelas. Sikap guru yang negatif yang mengehendkan pelaksanaan aktiviti pembelajaran dan penglibatan aktif dalam kalangan murid turut menjadi penghalang dalam pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah berasaskan sumber sejarah (Kaviza et al., 2018). Sikap pula merupakan salah satu elemen sendiri yang penting dalam memastikan keberhasilan pengetahuan dan kemahiran (Ahmad Al-Munzir, 2020). Tahap kualiti seseorang pendidik bergantung kepada tahap motivasi pendidik itu sendiri. Begitu juga, guru yang bersikap proaktif untuk mengembangkan kemahiran dan professional mereka sendiri berupaya menunjukkan kemampuan bagi menguasai sesuatu kemahiran (Heggart & Yeo, 2018). Menurut Vhyshnavi dan Khairul Azhar (2021), sikap guru terhadap pembaharuan terdiri daripada elemen pengetahuan guru mengenai reformasi tertentu, tindak balas peribadi terhadap perubahan, dan kecenderungan karakter terhadap pembaharuan. Walau bagaimanapun, respons

dan tingkah laku guru terhadap reformasi boleh diubah melalui pelaksanaan kursus dalam perkhidmatan (Vhyshnavi & Khairul Azhar, 2021).

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

KBAT adalah proses pengajaran guru dengan menerapkan dan memasukkan elemen mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta menerusi pengajaran guru. Pendekatan ini bermatlamat untuk murid berkeupayaan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi serta berupaya mencipta sesuatu (Brookhart, 2010; KPM, 2014). KBAT melibatkan kemahiran intelek yang tinggi iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Mengaplikasi adalah kebolehan kognitif menggunakan prinsip dan generalisasi tentang sesuatu masalah dalam situasi baharu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). KBAT juga merupakan tahap pemikiran yang diperlukan dalam membentuk generasi abad ke-21 yang cerdas, kreatif dan berinovatif serta berpotensi untuk bersaing di peringkat global (Abdul Rasid Jamiam, Shamsudin Othman, Azhar Mohd Sabildan Juanes Masamin, 2016; Suzana Abd Mutalib dan Mohammad Zeeree Kanreng, 2017).

KBAT membolehkan seseorang bukan sekadar mengingat dan memahami sesuatu maklumat malah berpotensi lebih daripada itu, iaitu berpotensi menggunakan, mentafsir, memanipulasikan, menginterpretasikan dan mengubahsuai maklumat tersebut dalam konteks yang lain. Menurut Rajendran Nagappan (2002), KBAT merujuk kepada seseorang yang dapat memahami, menterjemah, menganalisis dan memanipulasikan maklumat serta menyelesaikan sesuatu masalah dengan pendekatan yang bukan rutin. Manakala, Halimah Md Shariff (2009) pula menyatakan bahawa KBAT merujuk kepada penggunaan minda secara meluas bagi menghadapi masalah-masalah baharu dengan mentafsir, menganalisis atau memanipulasikan maklumat untuk menjawab soalan mahupun menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi. KBAT juga turut didefinisikan oleh Bakry, Md. Nor Bakar dan Firdaus (2013) sebagai kemampuan berfikir seseorang yang bukan sahaja merujuk kepada mengingat, tetapi termaksud juga berkemampuan berfikir kritis, menganalisis dan membuat penilaian KBAT juga merujuk kepada keupayaan dalam mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan di dalam bilik darjah merangkumi juga aspek pentafsiran pembelajaran (AfindeOthman, 2016).

Selain itu, Logeswari Arumugam, Ainon Omar, Raja Nur Safinas Raja Harun, dan Nurfilzah Zainal (2016), pula telah menjelaskan bahawa kemahiran berfikir aras tinggi merujuk kepada satu proses pemikiran kognitif yang lengkap bermula daripada tahap pemikiran rendah sehingga ke tahap pemikiran yang tinggi, yang mana dapat menjalinkan sesuatu maklumat seterusnya menganalisis, generalisasi, sintesis dan menginterpretasikannya menjadi sesuatu idea yang baru. Dapat disimpulkan bahawa secara umumnya, definisi KBAT merujuk kepada kemampuan seseorang individu menyelesaikan sesuatu masalah, membuat keputusan dan melaksanakan sesuatu perkara dengan berfikir secara kreatif, inovatif, tidak terhad kepada sesuatu keadaan sahaja malah meluas dan terbuka selagi tidak melangkaui logik akal fikiran manusia.

4. Metodologi

Reka bentuk kajian adalah kajian tinjauan. Kajian ini memfokuskan kepada kaedah kuantitatif yang melibatkan populasi seramai 220 orang guru di sekolah rendah. Manakala, penentuan saiz sampel hanya melibatkan 100 orang guru Sejarah. Pengkaji telah memilih responden kajian dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan rawak mudah. Borang soal selidik ini telah

diubahsuai dan disahkan bagi mendapatkan data kajian. Item soal selidik ini telah disesuaikan dengan objektif kajian ini dan skala Likert Lima Mata telah digunakan dalam soal selidik ini.

Terdapat 4 bahagian dalam pembinaan item. Bahagian A bertujuan untuk mendapatkan maklumat responden seperti jantina, pengalaman mengajar dan opsyen. Bahagian B adalah tentang kesediaan guru dalam mengaplikasikan KBAT dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam mata pelajaran Sejarah. Bahagian ini mengandungi 30 soalan untuk mengukur tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran. Instrumen ini diadaptasi dan diubahsuai dari kajian Siti Mariam (2018) dan Siti Norzaidah (2022). Setiap bahagian terdiri daripada 10 item manakala Bahagian C pula terdapat 7 item bagi mengukur penerapan KBAT oleh guru Sejarah dalam PdP mereka.

Jadual 1: Isi kandungan borang soal selidik

Bahagian	Aspek Penilaian	Jumlah Soalan	Skala Jawapan
A	Demografi Responden	.3 Soalan	Pelbagai Pilihan
B	Kesediaan Guru dalam mengaplikasikan KBAT dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam mata pelajaran Sejarah	30 Soalan	Skala Likert
C	Penerapan Kemahiran KBAT Oleh Guru Sejarah	10 Soalan	Skala Likert
Jumlah Soalan		.40 Soalan	

Instrumen yang dibina telah disemak oleh dua orang pakar yang mempunyai pengalaman luas dalam pendidikan Sejarah untuk tujuan mendapatkan kesahan muka dan kesahan kandungan. Pembetulan dan penambahbaikan telah dibuat untuk meningkatkan kesahihan item soal selidik sebelum kajian rintis dan kajian sebenar dijalankan. Hasil analisis kebolehpercayaan bagi soal selidik pengaplikasian KBAT oleh guru Sejarah menunjukkan nilai 0.98. Nilai kebolehpercayaan ini dianggap baik dan diterima oleh Bond & Fox (2015). Pengkaji telah menggunakan perisian IBM SPSS versi 26.0 untuk menganalisis data soal selidik.

Jadual 2: Nilai Kebolehpercayaan dan Kesahan

Item	Bilangan Item	Nilai Cronbach Alpha	Nilai Kesahan
Tahap Pengetahuan Guru dalam KBAT	10	0.964	0.663
Tahap Kemahiran Guru dalam KBAT	10	0.971	0.692
Tahap sikap Guru dalam KBAT	10	0.957	0.775
Penerapan Penerapan KBAT Oleh Guru Sejarah	10	0.980	0.783

Seterusnya, statistik deskriptif skor min dan sisihan piawai digunakan untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru Sejarah terhadap pengaplikasian KBAT. Penilaian skor min bagi mengenal pasti tahap kesediaan guru terhadap pengaplikasian KBAT adalah menggunakan skala seperti jadual 3.

Jadual 3 : Interpretasi Skor Min

Skor Min	Tahap
4.00 – 5.00	Tinggi
3.50 – 3.99	Sederhana Tinggi
3.00 – 3.49	Sederhana
<3.00	Rendah

Sumber :Huang dan Hew (2016)

5. Dapatan Dan Perbincangan

a) Objektif Kajian 1: Mengenal pasti kesediaan pengetahuan guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah

Pengukuran tahap pengetahuan guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah dinilai daripada keseluruhan min dan kekerapan tertinggi responden kajian. Jadual 4 menerangkan secara terperinci mengenai kekerapan dan peratusan kesediaan pengetahuan guru Sejarah dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah. Analisis menunjukkan min keseluruhan bagi kesediaan pengetahuan guru Sejarah ialah 4.12 dengan sisihan piawai 0.65. Dapatan ini menerangkan bahawa secara keseluruhannya guru-guru Sejarah di daerah Bangsar memiliki tahap kesediaan pengetahuan yang tinggi. Secara umumnya, pernyataan item 3 “*Saya mengetahui KBAT merupakan kemahiran yang penting dalam PAK-21*” mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 61.0 peratus ($S=61.0$ peratus dan $SS=31.0$ peratus). Manakala, item 1 yang diwakili oleh pernyataan “*Saya boleh menjelaskan konsep KBAT secara umum*” memperoleh peratusan persetujuan terendah iaitu pada 48.0 peratus ($S=48.0$ peratus dan $SS=37.0$ peratus). Ini menunjukkan guru Sejarah yang dikaji belum mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang sepenuhnya terhadap kebolehan serta kemampuan diri sendiri, kebolehan menerima tekanan dan kekuatan dalam untuk menjalankan tugas sebagai seorang guru Sejarah. Dapatan kajian ini juga menyokong kajian pengkaji mendapati guru-guru masih mempunyai pemahaman yang kurang lengkap tentang KBAT dalam kurikulum pendidikan Malaysia (Tahim Bael et al., 2021). Data menunjukkan bahawa secara purata guru mempunyai pengetahuan yang baik tentang KBAT dalam pengajaran Sejarah, dengan skor purata melebihi 4.0 untuk semua item. Ini menunjukkan kefahaman yang tinggi dan pendedahan yang mencukupi kepada konsep dan pelaksanaan KBAT di kalangan guru.

Jadual 4: Tahap kesediaan guru bagi aspek pengetahuan

Item	Konstruk	STS	TS	KS	S	SS
		% No.	% No.	% No.	% No.	% No.
B1	Saya boleh menjelaskan konsep KBAT secara umum	0.0 (0)	5.0 (5)	10.0 (10)	48.0 (48)	37.0 (37)
B2	Saya telah mendapat pendedahan dan pengetahuan yang mencukupi untuk melaksanakan KBAT dalam PdP	0.0 (0)	4.0 (4)	10.0 (10)	53.0 (53)	33.0 (33)
B3	Saya mengetahui KBAT merupakan kemahiran yang penting dalam PAK-21	0.0 (0)	2.0 (2)	5.0 (5)	61.0 (61)	32.0 (32)
B4	Saya mengetahui pengajaran Sejarah dengan menggunakan KBAT	0.0 (01)	3.0 (3)	16.0 (16)	53.0 (53)	28.0 (28)
B5	Saya memahami aras menilai bagi mengaplikasikan KBAT	1.0 (1)	4.0 (4)	7.0 (7)	61.0 (61)	27.0 (27)
B6	Saya memahami aspek pelaksanaan menggunakan KBAT dalam penyelesaian masalah dan pengajaran Sejarah	0.0 (1)	5.0 (5)	17.0 (17)	45.0 (45)	33.0 (33)
B7	Saya mengetahui teknik penyoalan yang boleh menggalakkan murid berfikir mengikut aras pemikiran KBAT	0.0 (0)	4.0 (4)	9.0 (9)	53.0 (53)	34.0 (34)
B8	Saya tahu melibatkan murid secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran	0.0 (0)	3.0 (3)	8.0 (8)	58.0 (58)	31.0 (31)
B9	Saya mengetahui terdapat banyak aktiviti yang sesuai dan menarik dalam buku teks untuk merangsang KBAT murid	0.0 (0)	5.0 (5)	9.0 (9)	56.0 (56)	30.0 (30)
B10	Saya mengetahui cara pentaksiran KBAT dengan bertanyakan soalan terbuka yang memerlukan jawapan melalui pemerhatian, bukti dan penjelasan yang diterima terdahulu	0.0 (0)	4.0 (4)	13.0 (13)	55.0 (55)	28.0 (28)
Purata Min				4.12		
Purata Sisihan Piawai				.655		
Tahap Interpretasi				Tinggi		

b) Objektif kajian 2: Mengenal pasti kesediaan kemahiran guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah

Kesediaan kemahiran guru dinilai daripada keseluruhan item dan kekerapan tertinggi responden kajian sebagaimana dalam Jadual 5. Min keseluruhan bagi kesediaan kemahiran guru ialah 3.94 dengan nilai sisihan piawai 0.80. Dapatan ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan guru mempunyai kemahiran yang sederhana tinggi dalam mengaplikasikan KBAT. Analisis terperinci menerangkan mengenai kedudukan kekerapan setiap item bagi guru bermula dengan peratusan persetujuan tertinggi hingga terendah. Setiap perincian ini mengambil kira elemen yang menyumbang kepada pembentukan KBAT di kalangan guru Sejarah. Terdapat 3 item iaitu item 3, 4 dan 6 sebanyak 60.0 peratus ($S=60.0$ peratus dan $SS=21.0$ peratus) mendapat persetujuan tertinggi daripada guru yang mahir dalam penerapan KBAT dalam pengajaran. Manakala, item 10 yang diwakili oleh pernyataan “Saya mengajar menggunakan kaedah penyebatian dalam mencungkil pemikiran KBAT ” memperoleh peratusan persetujuan terendah iaitu 49.0 peratus ($S=49.0$ peratus dan $SS=23.0$ peratus). Ini bermaksud para pendidik belum mencapai tahap kefahaman dan kesedaran minda yang sepenuhnya untuk mengaplikasikan KBAT kepada murid-murid. Selain itu, guru-guru yang dikaji didapati belum berfikir secara serius untuk mempelbagaikan pengajaran dan masih belum bersedia melakukan apa sahaja pengorbanan diri yang sepenuhnya untuk menjadi seorang guru yang serba boleh. Di samping itu, kajian mendapati guru masih kurang pengetahuan khususnya tentang KBAT, kurang kemahiran terhadap penerapannya serta sikap guru yang tidak menunjukkan komitmen yang tinggi untuk melaksanakannya (Mohd Nazri. et al, 2017). Ini menunjukkan bahawa walaupun guru mungkin berpengetahuan tentang KBAT, kemahiran praktikal dalam menerapkannya boleh berbeza-beza. Ini menekankan perlunya pembangunan profesional yang berterusan dan sokongan institusi dalam mengukuhkan kemahiran guru dalam melaksanakan KBAT.

Jadual 5: Tahap kesediaan guru bagi aspek kemahiran

Item	Konstruk	STS	TS	KS	S	SS
		%	%	%	%	%
		No.	No.	No.	No.	No.
C1	Saya merancang pengajaran Sejarah untuk menerapkan elemen KBAT	3.0 (3)	7.0 (7)	10.0 (10)	58.0 (58)	22.0 (22)
C2	Saya menggunakan pelbagai strategi dan teknik untuk menerapkan elemen KBAT dalam pengajaran Sejarah	2.0 (2)	6.0 (6)	13.0 (13)	55.0 (55)	24.0 (24)
C3	Saya mengajar Sejarah dan KBAT dengan menggunakan pendekatan soal jawab	3.0 (3)	7.0 (7)	9.0 (9)	60.0 (60)	21.0 (21)
C4	Saya menentukan isi kandungan pelajaran Sejarah berdasarkan pada kebolehan pelajar	3.0 (3)	7.0 (7)	9.0 (9)	60.0 (60)	21.0 (21)
C5	Saya memberi maklum balas yang berkesan kepada pelajar bagi tujuan mereka mencapai aras KBAT	1.0 (1)	7.0 (7)	10.0 (10)	52.0 (52)	30.0 (30)
C6	Saya menilai perkembangan murid dalam KBAT	1.0 (1)	3.0 (3)	12.0 (12)	60.0 (60)	24.0 (24)
C7	Saya mengembangkan potensi kemahiran berfikir pelajar dalam pembelajaran berasaskan KBAT	1.0 (1)	4.0 (4)	11.0 (11)	57.0 (57)	27.0 (27)
C8	Saya mempunyai sumber elektronik sebagai sumber pengajaran dan pembelajaran Sejarah bagi meningkatkan kemahiran KBAT pelajar.	3.0 (3)	6.0 (6)	12.0 (12)	57.0 (57)	22.0 (22)
C9	Saya melibatkan murid secara aktif semasa pengajaran Sejarah.	3.0 (3)	7.0 (7)	13.0 (13)	51.0 (51)	26.0 (26)
C10	Saya mengajar menggunakan kaedah penyebatian dalam mencungkil pemikiran KBAT	3.0 (3)	10.0 (10)	15.0 (15)	49.0 (49)	23.0 (23)
Purata Min				3.94		
Purata Sisihan Piawai				.800		
Tahap Interpretasi				SederhanaTinggi		

c) Objektif kajian 3: Mengenal pasti kesediaan sikap guru dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah

Jadual 6 menerangkan secara terperinci mengenai kekerapan dan peratusan kesediaan sikap guru Sejarah dalam mengaplikasikan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah. Hasil dapatan menjelaskan bahawa tahap kesediaan sikap guru berada pada tahap sederhana tinggi iaitu min 3.97 dan sistem piawai .732. Secara umumnya, pernyataan item 6 “*Latihan yang berterusan diperlukan untuk menjadi seorang guru yang berkesan dalam menerapkan elemen KBAT dalam pengajaran Sejarah*” mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 55.0 peratus (S=55.0 peratus dan SS=30.0 peratus). Manakala, item 10 yang diwakili oleh pernyataan “*Saya menghadapi masalah dalam menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan dan pada masa yang sama menyediakan mereka untuk menggunakan nota dengan bijak*” memperoleh peratusan persetujuan terendah iaitu pada 45.0 peratus (S=48.0 peratus dan SS=28.0 peratus). Ini menunjukkan bahawa guru Sejarah memerlukan latihan yang berterusan walaupun sudah menamatkan pengajian di maktab perguruan atau di institusi pendidikan. Walau bagaimanapun, terdapat juga kebimbangan mengenai beban kerja dan kesukaran untuk mengintegrasikan KBAT dengan masalah pembelajaran yang sedia ada (Ajmain & Mohamad, 2020). Bimbingan dan pementoran dapat membantu para guru untuk meningkatkan tahap dan kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Abdul Halim, 2015). Oleh itu, adalah penting bagi institusi pendidikan untuk menyediakan sokongan dan sumber yang mencukupi untuk menggalakkan guru mengamalkan KBAT dalam pengajaran mereka.

Jadual 6: Tahap kesediaan guru bagi aspek sikap

Item	Konstruk	STS	TS	KS	S	SS
		% No.	% No.	% No.	% No.	% No.
D1	Tanggungjawab guru adalah terhad kepada sekolah dan masa di sekolah bagi mengajar KBAT	3.0 (3)	10.0 (10)	15.0 (15)	49.0 (49)	23.0 (23)
D2	Saya mendapat kepuasan dalam pengajaran Sejarah yang menerapkan KBAT	2.0 (2)	8.0 (8)	18.0 (18)	51.0 (51)	21.0 (21)
D3	Proses pengajaran dan pembelajaran tidak sesekali menjadi 'monotous' apabila saya menerapkan elemen KBAT dalam pengajaran	0.0 (0)	7.0 (7)	17.0 (17)	52.0 (52)	24.0 (24)
D4	Pendekatan pengajaran yang baharu dikenali dari semasa ke semasa untuk menerapkan elemen KBAT dalam pengajaran	0.0 (0)	5.0 (5)	15.0 (15)	53.0 (53)	27.0 (27)
D5	Adalah menjadi tanggungjawab guru untuk mengetahui sendi pengajaran penerapan elemen KBAT	0.0 (0)	4.0 (4)	11.0 (11)	54.0 (54)	31.0 (31)
D6	Latihan yang berterusan diperlukan untuk menjadi seorang guru yang berkesan dalam menerapkan elemen KBAT dalam pengajaran Sejarah	0.0 (0)	5.0 (5)	10.0 (10)	55.0 (55)	30.0 (30)
D7	Untuk menjadi seorang guru yang berkesan, kandungan sukatan pelajaran perlu diubahsuai berdasarkan pada keperluan murid walaupun ia menambahkan beban tugas saya	1.0 (1)	5.0 (5)	14.0 (14)	46.0 (46)	34.0 (34)
D8	Seorang guru yang berkesan, perlu mengubahsuai kandungan sukatan pelajaran bagi manfaat pelajar walaupun itu bermakna tidak mengikut dengan sepenuhnya sukatan pelajaran	0.0 (0)	7.0 (7)	12.0 (12)	54.0 (54)	27.0 (27)
D9	Saya lebih suka menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan menerapkan elemen KBAT dalam pengajaran Sejarah	0.0 (0)	9.0 (9)	14.0 (14)	46.0 (46)	31.0 (31)
D10	Saya menghadapi masalah dalam menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan dan pada masa yang sama menyediakan mereka untuk menggunakan nota dengan bijak	2.0 (2)	7.0 (7)	18.0 (18)	45.0 (45)	28.0 (28)
Purata Min				3.97		
Purata Sisihan Piawai				.732		
Tahap Interpretasi				Sederhana Tinggi		

6. Kesimpulan

Berdasarkan keseluruhan dapatan kajian, pengkaji dapat merumuskan bahawa tahap kesediaan guru sekolah rendah mengaplikasikan KBAT berada pada tahap yang tinggi. Hal ini bermakna guru Sejarah sekolah rendah mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang baik terhadap pelaksanaan KBAT di sekolah. Dapatan ini sealiran dengan kajian lepas yang mendapati tahap kesediaan guru sekolah menengah mengaplikasikan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah di daerah Segamat, Johor berada pada tahap yang tinggi (Kamaruddin, S. N., & Ahmad, A. (2022)). Oleh itu, amalan baik ini perlu dikekalkan dan dimantapkan dengan memperbanyakkan kursus-kursus berkaitan KBAT oleh agensi pendidikan pada masa akan datang. Namun demikian, pelaksanaan KBAT mula menjadi satu anjakan paradigma dalam sistem kurikulum negara bagi tujuan menghadapi persaingan global semakin sengit dalam persekitaran ekonomi dipacu inovasi serta berhadapan dunia dilatari pergolakan, ketidakpastian, kompleks dan kekaburan (VUCA). Pelaksanaan KBAT perlu disuburkan dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) supaya kemenjadian murid dapat dicapai secara seimbang dan menyeluruh serta mempunyai elemen kalis masa depan yang mampu berhadapan dengan cabaran dunia VUCA.

Walau bagaimanapun, pengkaji berharap kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang berkeperluan bagi memenuhi hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia bagi meningkatkan mutu pendidikan di Malaysia dari semasa ke semasa. Guru-guru juga perlu peka dengan arus perubahan dalam sistem pendidikan negara. Para guru harus mempunyai kesediaan dalam pelbagai aspek pengetahuan meliputi pengetahuan asas tentang KBAT, pengetahuan dalam memahami kandungan DSKP mata pelajaran, pengetahuan pedagogi berkaitan KBAT, pengetahuan membina item soalan berkaitan KBAT dan pengetahuan dalam menyediakan soalan pentaksiran berdasarkan PBD.

Kesimpulannya, terdapat ruang untuk penambahbaikan, terutamanya dalam aspek penggunaan praktikal KBAT dalam pengajaran. Oleh itu, adalah penting bagi institusi pendidikan untuk terus menyediakan latihan profesional dan sumber yang diperlukan untuk meningkatkan kemahiran dan keberkesanan guru dalam mengintegrasikan KBAT dalam pengajaran Sejarah. Ini akan menyumbang kepada pembangunan kemahiran berfikir kritis dan analitikal di kalangan pelajar, yang penting dalam menyediakan mereka untuk cabaran masa depan. Guru digalakkan menggunakan aplikasi teknologi maklumat untuk meningkatkan profesionalisme dalam ilmu, kemahiran pedagogi dan pentaksiran murid dalam KBAT. Melalui e-pembelajaran, guru berpeluang berkolaborasi dengan pendidik di luar negara.

Rujukan

- Abdul Halim Masnan, N. E. (2019). Pengetahuan Pengajaran dalam Kalangan Guru Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak*, 33-41.
- Abdul Talib, N. S., Awang, M. M., Abdul Ghani, K., & Yusuff, N. A. (2019). Penggunaan Multimedia Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(2), 86-98.
- Agus, A. N. A. (2021). *Tahap Pengetahuan Dan Kesiediaan guru Bahasa Melayu Dalam Melaksanakan pendekatan TERBEZA dalam pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan* Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu.
- Anderson, L.W., D.R., Airasian, P.W., Cruikshank, K.A., Mayer, R.E., Pintrich, P.R., Raths, J., Wittrock, M.C(2000). *A Taxonomy for Learning, Teaching and Assesing: A revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*. New York: Pearson, Allyn & Bacon
- Bacon-Shone, J. (2015). *A guide to the understanding and interpretation of*

- data*. Hong Kong University Press.
- Burns, N., & Grove, S. K. (2003). *The practice of nursing research: Conduct, critique, & utilization* (5th ed.). Elsevier Health Sciences.
- Boyle, G. J., & Fisher, S. (2007). *Statistical methods for psychology* (7th ed.). Thomson Wadsworth.
- Creswell, J. W. (2008). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage publications.
- Fathizaki Rifin, Anuar Ahmad, Norasmah Othman .2021. Kompetensi guru dalam penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran pendidikan sejarah., Volume 6, Issue 1, (page 194 - 205)
- Gurganious, N. J. (2017). The relationship between teacher autonomy and middle school students' achievement in science. [Doctoral dissertation], Walden University.
- Harun, M.& A. Ghani, K. (2016). *Kebolehpercayaan dan Kesahan dalam Penyelidikan Kualitatif: Isu dan Aplikasi*. Penerbit UTM Press.
- Jamaludin Ahmad (2008). *Kaedah penyelidikan dan analisis data*. McGraw-Hill Education.
- Kamaruddin, S. N., & Ahmad, A. (2022). Kesiediaan Guru sejarah sekolah menengah mengaplikasikan Kbat Dalam Mata Pelajaran Sejarah.
- Kanafadzi, V., & Jamaludin, K. A. (2021). Tahap Kesiediaan Dan Sikap guru Terhadap Perubahan Yang Berlaku .
- Kaviza, M., Rahim, F. A., & Bukhari, N. (2018). *Tahap kesiediaan guru-guru Sejarah Dalam melaksanakan Kaedah Pengajaran dan pembelajaran berasaskan sumber sejarah: Satu Tinjauan di negeri perlis*. JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kisni Kisson (2021). *Penggunaan KBAT dalam pendidikan: Satu kajian empirikal*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 10(2), 112-125.
- Mengistie, S. M. (2020). Primary school teachers' knowledge, attitude and practice of differentiated instruction: The case of in-service teacher- trainees of Debre Markos College of teacher education, West Gojjam Zone, Amhara Region, Ethiopia. *International Journal of Curriculum and Instruction*, 12(1), 98–114.
- Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Aziz Shah (2010). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Oxford Fajar.
- Nurzarina Amran & Roslinda Rosli. (2017). Kefahaman guru tentang kemahiran abad ke21. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Komunikasi. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 2) JILID 1*, pp. 110-114. Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Radzi, N. M., & Muzammil, N. F. binti. (2018). *Tahap kompetensi guru dalam pelaksanaan kemahiran Berfikir Aras Tinggi di Sekolah Kebangsaan Daerah Sepang, Selangor*. JuKu.
- Rajendran, N. S. (2010). Teaching thinking skills at institutions of higher learning: Lesson learned. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 18, 1-14.
- Schleicher, A. (2019). *Thoughts on the future of teaching*. Brill.